

Keadaan hidup rakyat perlu diberi perhatian

BH - 6/3/2019
m/s: 14

➔ Lebih 133,000 penduduk masih berada di bawah paras kemiskinan

Oleh Ilah Hafiz Aziz, Safuri Kamarudin dan Noorazura Abdul Rahman

bhnews@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menyifatkan isu kemiskinan di Baling sebagai amat dekat di hatinya, menggesa kerajaan agar memberi keutamaan menangani keadaan berkenaan.

"Isu ini (kemiskinan di Baling) amat dekat dengan saya," kata bekas Timbalan Perdana Menteri ketika ditemui media selepas mempengerusikan Mesyuarat Kaukus Reformasi dan Tadbir Urus Dewan Rakyat, di sini semalam.

Ahli Parlimen Port Dickson yang juga Presiden PKR itu berkata, isu kemiskinan rakyat adalah perkara

utama yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan kerana ia membatinkan banyak pihak.

"Janganlah hanya memandang statistik, angka dan dasar sahaja, sebaliknya (keadaan) masyarakat yang perlu diberi perhatian. Isu ini (kemiskinan) perlu diberi tumpuan utama kerana ia bukan hanya soal daerah dan kaum sahaja, tetapi menyentuh ramai," katanya.

BH melalui laporan eksklusif sejak Ahad lalu, mendedahkan keperitan hidup penduduk di Baling yang masih dibelenggu kemiskinan, tidak banyak berubah sejak demonstrasi memperjuangkan nasib masyarakat di situ yang diketuai Anwar diadakan pada 1974.

Selepas 45 tahun demonstrasi itu diadakan, majoriti penduduk yang bekerja sebagai penoreh getah dan menjadi petani masih bergelut mencari sesuap nasi, boleh diiba-

ratkan umpama 'kais pagi makan pagi' yang menjadi bertambah teruk setiap kali musim hujan.

Tinjauan mendapati rata-rata daripada lebih 133,000 penduduk di daerah luar bandar berkenaan masih hidup di bawah paras kemiskinan kerana hanya bergantung kepada hasil getah, menyebabkan mereka sekadar meraih pendapatan antara RM400 hingga RM600 sebulan.

Kejatuhan teruk harga getah

Mengikut laporan arkib media, kejatuhan teruk harga getah menyebabkan ribuan penduduk Baling, keluar beramai-ramai pada 19 November 1974 bagi membantah sikap kerajaan ketika itu yang didakwa tidak mempedulikan nasib rakyat yang bergantung pada komoditi berkenaan.

Perhimpunan di depan Pejabat

Tanah dan Daerah Baling itu pada mulanya hanya disertai 1,000 petani sebelum bertambah kepada 13,000 orang tiga hari kemudian apabila tersebar khabar angin kononnya terdapat kanak-kanak terkorban akibat terpaksa memakan sejenis 'ubi gadung' beracun yang tidak dibasuh dengan bersih.

Kejadian itu kononnya kerana ibu bapa mereka tidak mampu membeli beras akibat kejatuhan harga getah dan kenaikan harga barang keperluan yang melampau disebabkan inflasi.

Demonstrasi berkenaan disusuli satu rapat umum pada 1 Disember 1974 di pekan Baling yang dilaporkan disertai kira-kira 30,000 penduduk kampung berhampiran seperti Weng, Bongor, Lanai, Pulai, Kupang, Tawar, Parit Panjang, Kuala Pegang, Siong dan Sungai Balang. Mereka memberi tempoh 10 hari

kepada kerajaan untuk mengawal harga getah dan barang keperluan.

Pada 3 Disember 1974, seramai 5,000 pelajar dari Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Pertanian Malaysia (UPM) serta Institut Teknologi Mara (ITM) dan Politeknik Ungku Omar turut berhimpun di Padang Kelab Selangor di Kuala Lumpur bagi memperjuangkan nasib penduduk Baling.

Mereka diketuai Anwar yang ketika itu Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan berusia 27 tahun bersama tenaga penggerak dari kalangan pensyarah universiti serta aktivis masyarakat, namun Anwar dan beberapa individu lain kemudian ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana didakwa menghasut rakyat menentang kerajaan.



Anwar ketika mengetuai demonstrasi pada 1974 untuk membela nasib penduduk Baling.